

Pak Lah, Najib tidak dicabar dua jawatan tertinggi Umno

MT setuju sebulat suara

26/05/04 ms 1 BH

Oleh Kadir Dikoh dan Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno bersetuju sebulat suara agar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak ditandingi pada pemilihan pucuk pimpinan parti September ini.

Dengan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kini memangku jawatan Presiden dan Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden parti, akan menang tanpa bertanding.

NGO temui PM bincang masalah wanita - Muka 2

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata ketika MT membuat keputusan itu kelmarin, Abdullah dan Najib tidak mengambil bahagian dalam perbincangan.

"Ahli MT hendak memberi pendapat mereka agar kedua-dua jawatan itu tidak ditandingi. Keputusan itu dicapai sebulat suara.

"Bagaimanapun, secara teknikalnya, mesyuarat perwakilan bahagian masih perlu mencalonkan kedua-dua pemimpin itu untuk jawatan berkenaan," katanya ketika dihubungi bagi menjelaskan kenyataan ringkasnya mengenai perkara itu semalam.

Perhimpunan Agung Umno akan diadakan dari 23 hingga 25 September ini, manakala perhimpunan pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri dijadualkan sehari sebelum itu. Mesyuarat cawangan pula diadakan sepanjang bulan depan dan persidangan peringkat bahagian dalam tempoh dua minggu mulai 8 hingga 22 Julai.

Khalil berkata, walaupun tiada desas-desus bahawa kedua-dua jawatan itu akan ditandingi, MT membuat keputusan itu sebagai jaminan atau simbolik yang ia tidak menyaksikan sebarang pertandingan.

"Apabila MT sudah membuat keputusan, bermakna tidak akan ada pertandingan kerana lazimnya pertandingan untuk jawatan berkenaan datang daripada kalangan pemimpin kanan parti.